POLISI PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

ECoS-IMS-POL-UITU-005

Disediakan oleh:	Diperakukan oleh:	Diluluskan oleh:
Unit Integriti dan Tadbir Urus (UITU)	**Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Integriti dan Tadbir Urus (JPTITU)**	**Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)**
Tarikh: 16 Oktober 2026	Tarikh: 16 Oktober 2026	Tarikh: 6 November 2026

0.0 SEJARAH SEMAKAN DAN KELULUSAN

No. Semakan	Sifat Perubahan	Kelulusan	Tarikh
00	Edisi Baru	JITU	6/11/2026

	POLISI	
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)	Nombor Dokumen.: ECoS-IMS-POL-UITU-005
		Nombor Edaran.: 01
		Muka Surat: Muka Surat 2 daripada 16
		Tarikh Berkuat Kuasa: 6/11/2026

KANDUNGAN

SEKSYEN	TAJUK	MUKASURAT
1.0	OBJEKTIF	3
2.0	LATAR BELAKANG	3
3.0	KEPENTINGAN POLISI PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)	3
4.0	SKOP DAN PEMAKAIAN	4
5.0	TAKRIFAN	5
6.0	PEMILIK POLISI	9
7.0	POLISI	9
8.0	TINDAKAN KE ATAS KETIDAPATUHAN	15
9.0	PENEPIAN DAN PERUBAHAN POLISI	15
10.0	SEMAKAN DAN PEMERIKSAAN	15
11.0	RUJUKAN	15

1.0 OBJEKTIF

Polisi ini bertujuan menyediakan mekanisme yang selamat, sulit dan berintegriti bagi membolehkan warga ECoS serta pihak luar membuat pendedahan mengenai Kelakuan Tidak Wajar yang berkaitan dengan urusan, operasi, pentadbiran atau fungsi kawal selia ECoS.

a) Menggalakkan pendedahan dibuat secara jujur atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

b) Memastikan laporan diterima, dinilai, dirujuk dan, apabila bersesuaian, disiasat secara bebas, adil dan teratur.

c) Melindungi kerahsiaan identiti Pemberi Maklumat setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan keperluan proses siasatan.

d) Membolehkan kelemahan kawalan, integriti, tadbir urus dan risiko rasuah dikenal pasti untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

e) Memperkukuh budaya integriti, akauntabiliti dan keberanian melaporkan salah laku di ECoS.

2.0 LATAR BELAKANG

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga di Negeri Sabah, Energy Commission of Sabah (ECoS) komited untuk memastikan setiap urusan dan keputusan organisasi dilaksanakan dengan berintegriti serta bebas daripada rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelakuan tidak wajar.

Sehubungan itu, Polisi Pemberi Maklumat ini diwujudkan sebagai mekanisme pelaporan yang selamat dan dipercayai bagi membolehkan warga ECoS serta pihak berkepentingan melaporkan sebarang salah laku secara jujur atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

Pelaksanaan polisi ini turut menekankan kerahsiaan identiti pemberi maklumat, pengendalian laporan secara adil dan objektif serta perlindungan daripada tindakan balas, sekali gus memperkukuh keberkesanan kawalan dalaman dan memelihara kewibawaan ECoS sebagai badan kawal selia tenaga yang berintegriti dan dipercayai.

3.0 KEPENTINGAN POLISI PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

3.1 Polisi ini merupakan dokumen induk dan panduan utama terhadap perkara berkaitan perlindungan pemberi maklumat kepada Kelakuan Tidak Wajar (KTW).

3.2 Kelakuan Tidak Wajar yang boleh dilaporkan termasuk cubaan, perbuatan yang disyaki atau perbuatan yang telah berlaku, antaranya:

a) rasuah, suapan atau bayaran pemudahan;
b) fraud, tuntutan palsu, kecurian atau penggelapan wang;
c) salah guna kuasa atau kedudukan;
d) konflik kepentingan yang tidak diisytiharkan atau tidak diurus;
e) pelanggaran undang-undang, syarat kawal selia, polisi, SOP, Kod Etika atau peraturan yang telah ditetapkan oleh ECoS;
f) penyalahgunaan aset, maklumat sulit atau data ECoS;
g) gangguan, ugutan atau tindakan balas terhadap Pemberi Maklumat;
h) perbuatan menghalang, memusnahkan atau menyembunyikan bukti;
i) apa-apa salah laku lain yang boleh menjejaskan integriti, kewangan, keselamatan, reputasi atau kepentingan ECoS.

3.3 Pengujudan polisi ini menunjukkan komitmen ECoS dalam menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

4.0 SKOP DAN PEMAKAIAN

4.1 Polisi ini terpakai kepada:

a) Anggota Suruhanjaya dan Pengurusan Tertinggi ECoS;

b) semua warga ECoS termasuk pekerja tetap, kontrak dan sementara;

c) kontraktor, subkontraktor, pembekal, perunding, ejen dan pihak yang bertindak bagi pihak ECoS;

d) pemegang lesen, pemohon, utiliti, pemain industri tenaga, pelanggan/pengguna dan pihak berkepentingan lain yang mempunyai urusan dengan ECoS.

5.0 TAKRIFAN

Takrifan berikut adalah terdapat dalam polisi ini.

Akta SPRM 2009	Akta 694 - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 termasuk pindaan-pindaan yang diwartakan.
Anggota Suruhanjaya	Anggota Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Seksyen 5 Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023.
Bayaran Pemudahan (suapan)	Bayaran yang diberikan sebagai pampasan atau pemudahcara yang dibuat secara peribadi kepada individu yang mepunyai kuasa atas sesuatu proses atau keputusan. Tujuan bayaran tersebut adalah untuk mempengaruhi, menjamin atau mempercepat tugas hakiki, fungsi rutin dan pentadbiran.
ECoS	Energy Commission of Sabah
Hadiah	Hadiah merujuk kepada sesuatu yang diberikan kepada seseorang dengan mengharapkan balasan atas sesuatu urusan atau perniagaan.
JITU	Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus
JPTITU	Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Integriti & Tadbir Urus

Kelakuan Tidak Wajar (KTW)	Kelakuan Tidak Wajar yang bermaksud apa-apa salah laku atau kesalahan jenayah sama ada cubaan, disyaki atau telah berlaku, termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut :- a. Rasuah b. Kecurian atau menggelapkan wang organisasi c. Konflik kepentingan d. Tuntutan palsu e. Salah guna kuasa f. Kesalahan jenayah g. Kegagalan mematuhi polisi dan prosidur, Kod Etika dan peraturan yang telah dimaktubkan oleh organisasi h. Kegagalan dalam mematuhi obligasi undang-undang atau kawal selia i. Salah guna harta/asset organisasi j. Tidak melaksanakan keadilan k. Membahayakan kesihatan dan keselamatan individu lain l. Gangguan atau ugutan m. Lain lain salahlaku tatatertib yang telah dinyatakan oleh organisasi n. Menyembunyikan apa-apa perbuatan di atas.
Kepentingan Peribadi	Apa-apa kepentingan kewangan atau bukan kewangan yang memberi manfaat kepada individu atau orang berkait rapat dengannya.

Konflik Kepentingan	Apabila seseorang boleh mempengaruhi atau berpotensi mempengaruhi sebarang keputusan bagi ECoS atau berkaitan kerja hakiki.
Pemberi Maklumat	Individu yang memberikan/mendedahkan maklumat tentang individu lain atau organisasi yang terlibat atau disyaki terlibat dalam KTW.
Pengurusan Tertinggi	Pihak Pengurusan Tertinggi ECoS yang terdiri dari pada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perancangan & Kawalselia Ekonomi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perkhidmatan Korporat.
Pihak ketiga	Individu yang mempunyai urusan secara rasmi dengan ECoS.
Rasuah	Rasuah ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan memberikan atau menerima ‘suapan’ di bawah Akta SPRM 2009. Dari segi amalannya, rasuah bermaksud menawarkan, memberikan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai dalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi. ‘Suapan’ ditakrifkan dalam Akta SPRM 2009 dengan maksud yang berikut:

	a) wang, derma, alang (orang ketiga), pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain; b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat; c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya; d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan; e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga; f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib,

	sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UITU	Unit yang ditubuhkan di ECoS untuk menjalankan 4 fungsi utama dalam teras pengukuhan Governans, Integriti & Antirasuah (iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan dan Pengesanan & Pengesahan).
Warga ECoS	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak secara langsung dengan ECoS atas dasar pekerjaan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif dan pekerja bawahannya.

6.0 PEMILIK POLISI

Pemilik polisi pemberi maklumat (whistleblowing) ini ialah UITU, ECoS.

7.0 POLISI

7.1 Prinsip Pemberi Maklumat

7.1.1 ECoS menggalakkan warga kerja dan pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar secara jujur atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah. Setiap pendedahan hendaklah dibuat dengan niat baik bagi membantu

organisasi mengenal pasti dan menangani salah laku yang boleh menjejaskan integriti serta kepentingan ECoS.

7.1.2 Pemberi Maklumat tidak diwajibkan mengemukakan bukti yang lengkap atau membuktikan sesuatu kesalahan sebelum membuat laporan. Walau bagaimanapun, Pemberi Maklumat hendaklah memberikan fakta, maklumat dan butiran kejadian yang diketahui dengan sebaik mungkin bagi membolehkan penilaian dan tindakan susulan dilaksanakan secara berkesan.

7.1.3 Setiap laporan yang diterima hendaklah dinilai secara adil, objektif dan tanpa prejudis, tanpa mengira jawatan, pangkat atau kedudukan individu yang dilaporkan. ECoS hendaklah memastikan proses pengendalian laporan bebas daripada sebarang campur tangan, konflik kepentingan atau pengaruh tidak wajar.

7.1.4 ECoS mengamalkan pendirian toleransi sifar terhadap sebarang bentuk tindakan balas, ugutan, gangguan atau usaha mendedahkan identiti Pemberi Maklumat secara tidak sah. Kerahsiaan identiti Pemberi Maklumat hendaklah dipelihara bagi memastikan individu yang membuat pendedahan secara jujur tidak berhadapan dengan tindakan yang memudaratkan.

7.1.5 Perlindungan yang diberikan melalui Polisi ini merupakan perlindungan dalaman ECoS dan tidak secara automatik memberikan perlindungan statutori di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

7.1.6 Sebarang perlindungan di bawah Akta tersebut adalah tertakluk kepada syarat, kelayakan dan mekanisme pendedahan yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa.

7.2 Saluran Pelaporan

7.2.1 ECoS menyediakan saluran pelaporan rasmi yang selamat dan sulit bagi membolehkan warga ECoS serta pihak berkepentingan mengemukakan maklumat berhubung sebarang Kelakuan Tidak Wajar. Laporan boleh dikemukakan melalui mana-mana saluran rasmi ECoS bagi isu pelanggaran integriti.

7.2.2 Pemberi Maklumat juga boleh membuat laporan secara bersemuka dengan Pegawai Penerima melalui pertemuan yang diatur pada masa dan tempat yang dipersetujui bersama. Kaedah ini bertujuan memberikan ruang kepada Pemberi Maklumat untuk menyampaikan maklumat secara terus dengan mengambil kira aspek keselamatan, keselesaan dan kerahsiaan identiti.

7.2.3 Selain saluran dalaman ECoS, Pemberi Maklumat boleh mengemukakan laporan terus kepada pihak berkuasa penguatkuasaan yang berkaitan, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM), khususnya bagi perkara yang melibatkan unsur rasuah atau kesalahan jenayah.

7.2.4 ECoS hendaklah memastikan maklumat berhubung saluran pelaporan, termasuk alamat e-mel, nombor telefon dan alamat surat-menyurat rasmi, disediakan melalui laman web atau intranet ECoS serta dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memudahkan akses kepada semua pihak yang berkepentingan.

7.3 Penilaian Awal dan Pengendalian Laporan

7.3.1 Pegawai Penerima hendaklah mendaftarkan laporan menggunakan nombor rujukan kes dan membuat penilaian awal

terhadap bidang kuasa, keseriusan, kecukupan maklumat, risiko serta kemungkinan konflik kepentingan.

7.3.2 Laporan yang berada di luar bidang kuasa ECoS hendaklah dirujuk atau Pemberi Maklumat dinasihatkan untuk menyalurkan saluran kepada saluran yang bersesuaian, tertakluk kepada undang-undang dan kerahsiaan.

7.3.3 Kes yang mempunyai asas munasabah boleh diteruskan kepada pengesanan dan pengesahan, siasatan dalaman atau dirujuk kepada pihak berkuasa.

7.3.4 Keputusan untuk menutup laporan kerana maklumat tidak mencukupi hendaklah direkodkan berserta alasan.

7.3.5 Tiada pihak yang mempunyai kepentingan dalam sesuatu kes boleh menentukan, mengarah atau mempengaruhi hasil penilaian atau siasatan kes tersebut.

7.4 Kerahsiaan dan Perlindungan Identiti

7.4.1 Identiti Pemberi Maklumat hendaklah diklasifikasikan sebagai maklumat terhad/sulit dan hanya boleh diakses berdasarkan prinsip perlu tahu.

7.4.2 Nama sebenar hendaklah digantikan dengan nombor rujukan atau nama samaran dalam laporan pengurusan, setakat yang praktik.

7.4.3 Pendedahan identiti hanya boleh dibuat dengan persetujuan bertulis Pemberi Maklumat atau apabila dikehendaki oleh undang-undang, perintah mahkamah atau proses penguatkuasaan yang sah.

7.4.4 Mana-mana pegawai yang mendedahkan identiti tanpa kuasa boleh dikenakan tindakan tatatertib dan/atau tindakan lain yang berkenaan.

7.5 Perlindungan daripada Tindakan Balas

7.5.1 ECoS melarang sebarang Tindakan Balas terhadap Pemberi Maklumat yang membuat laporan secara jujur atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah, walaupun siasatan kemudian mendapati dakwaan tersebut tidak dapat dibuktikan.

7.5.2 Pemberi Maklumat yang mengalami atau bimbang akan Tindakan Balas hendaklah melaporkannya kepada Ketua UITU atau Pengerusi JITU. Langkah perlindungan pentadbiran yang munasabah boleh dipertimbangkan berdasarkan risiko dan keadaan kes.

7.6 Pelaporan Laporan Tanpa Nama

7.6.1 ECoS menerima laporan tanpa nama untuk dinilai. Walau bagaimanapun, ketiadaan maklumat hubungan boleh mengehadkan keupayaan ECoS mendapatkan penjelasan lanjut atau memaklumkan perkembangan kes. Laporan tanpa nama hendaklah dinilai berdasarkan keseriusan, kekhususan maklumat, kebolehpercayaan dan kewujudan bukti yang boleh disahkan.

7.7 Laporan Palsu atau Berniat Jahat

7.7.1 Perlindungan Polisi ini tidak bertujuan melindungi individu yang dengan sengaja membuat laporan yang diketahui palsu, direka-reka atau dibuat dengan niat jahat. Jika dibuktikan, tindakan tatatertib atau undang-undang yang bersesuaian boleh diambil.

Kesilapan yang dibuat dengan jujur tidak boleh disamakan dengan laporan palsu.

7.8 Konflik Kepentingan dalam Pengendalian Laporan

7.8.1 Mana-mana pegawai UITU, pegawai penyiasat atau ahli jawatankuasa yang mempunyai konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau dipersepsikan hendaklah mengisytiharkan konflik dan menarik diri daripada pengendalian kes.

7.8.2 Sekiranya laporan melibatkan Ketua UITU, laporan hendaklah disalurkan terus kepada Pengerusi JITU atau pihak bebas yang ditetapkan. Sekiranya laporan melibatkan peringkat Anggota Suruhanjaya, saluran alternatif hendaklah digunakan termasuk rujukan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

7.9 Maklum Balas kepada Pemberi Maklumat

7.9.1 UITU hendaklah setakat yang praktik dan tanpa menjejaskan kerahsiaan, siasatan atau hak pihak lain, mengesahkan penerimaan laporan dan memberikan maklum balas mengenai status umum pengendalian kes.

7.10 Pembatalan atau Had Perlindungan

7.10.1 Perlindungan dalaman ECoS boleh dikaji semula jika terdapat bukti bahawa Pemberi Maklumat:

a) sendiri terlibat secara material dalam Kelakuan Tidak Wajar;
b) dengan sengaja membuat kenyataan yang diketahui palsu;
c) menggunakan saluran pemberian maklumat semata-mata untuk tujuan jahat, gangguan atau mengelakkan proses tatatertib yang sah;

d) mendedahkan maklumat sulit secara tidak sah di luar saluran yang dibenarkan.

7.10.2 Sebarang keputusan yang menjejaskan perlindungan hendaklah dibuat secara adil, didokumenkan dan tidak boleh mengatasi hak atau perlindungan yang diberikan oleh undang-undang.

8.0 TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN

ECoS mengambil serius terhadap jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi. Maka, ECoS tidak akan bertoleransi dfdengan mana-mana pihak sama ada warga ECoS sendiri mahupun pihak ketiga jika didapati tidak mematuhi polisi atau terlibat dengan apa-apa jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. ECoS akan mengambil tindakan yang tegas terhadap individu yang terlibat. Selain itu, individu tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009).

9.0 PENEPIAN DAN PERUBAHAN POLISI

Sebarang penepian atau perubahan terhadap polisi ini haruslah diperakukan oleh JPTITU dan diluluskan oleh JITU.

10.0 SEMAKAN DAN PEMERIKSAAN

Polisi ini merupakan dokumen terbuka di mana UITU bertanggungjawab untuk mengemaskini dan menambah baik kandungan dokumen dari semasa ke semasa mengikut garis panduan garis panduan yang berkaitan rasuah di peringkat ECoS atau Negara.

11.0 RUJUKAN

Polisi ini perlu dibaca bersama dengan mana-mana pekeliling, prosedur dan surat edaran berkaitan yang berkuatkuasa.